

Headline **Collect RM250,000 for unlucky children (Kumpul RM250,00...**
Date **25. Jun 2007** Language **MALAY**
Media Title **Kosmo** Page No **13**
Section **Negara** Article Size **177** cm2
Circulation **40000** Frequency **Daily**
Readership **200000** Color **Full Color**



KUMPUL RM250,000 UNTUK ANAK MALANG

JAMUAN AMAL. Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-25 anjuran McDonald's Malaysia berjaya mengumpul RM250,000 bagi membantu kanak-kanak yang dilahirkan sumbing bibir dan lelangit.

Pengarah Urusannya, Azmir Jaafar berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM200,000 disalurkan kepada Tabung Kebajikan Untuk Kanak-Kanak Malaysia (MKMM) manakala RM50,000 lagi kepada Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM).

"Kami sentiasa prihatin dengan kebajikan golongan kurang bernasib baik untuk menjalani hidup seperti kanak-kanak normal lain," katanya pada majlis berkenaan di Kuala Lumpur kelmarin.

Selain itu, lima pekerja McDonald's yang bekerja sejak awal penubuhan syarikat itu turut menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM5,000 seorang.

Majlis turut dihiburkan nyanyian Anuar Zain dan Ning Baizura selain persembahan istimewa oleh kanak-kanak dari Federal Academy of Ballet.



AZMIR (berdiri kanan) bersama para penerima sumbangan selepas majlis mengumpul dana di Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur malam kelmarin.